



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA



## KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

---

### “PROGRAM MyPSV BANTU GOLONGAN B40”

**Batang Kali, Selangor, 3 Julai 2023** - Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia pada hari ini melancarkan salah satu inisiatif di bawah **Belanjawan Madani 2023**, iaitu **Program MyPSV** bagi membantu golongan B40 mendapatkan Lesen Vokasional Kenderaan Perkhidmatan Awam (*Public Service Vehicle* – PSV).

Pelancaran Program MyPSV Peringkat Kebangsaan Tahun 2023, disempurnakan oleh **YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia** dan **YAB Dato’ Seri Amirudin bin Shari, Dato’ Menteri Besar Selangor** di sini hari ini.

Program MyPSV merupakan inisiatif Kerajaan Perpaduan untuk memberi manfaat kepada **4,000 orang calon** yang meliputi **3,500 orang untuk PSV [E-Hailing/Teksi]** dan **500 orang untuk PSV [Bas]** daripada golongan B40 di seluruh negara menerusi peruntukan sebanyak **RM2 juta** di bawah Belanjawan Madani 2023. Peruntukan ini merangkumi kos ujian dan latihan kepada calon dengan kadar **RM 2,590 untuk setiap calon PSV Bas** manakala **RM190 untuk setiap calon PSV E-Hailing/Teksi**.

Program ini juga sebagai komitmen dan usaha cakna Kerajaan Perpaduan untuk membantu golongan B40 mempertingkatkan taraf sosioekonomi dan pendapatan isi rumah melalui peluang pekerjaan dalam sektor ekonomi gig seterusnya menyokong dan menambah baik kelangsungan sektor pengangkutan awam serta pelancongan di negara ini.

Melalui program ini, JPJ akan menyelaras senarai penerima bantuan kepada Institut Memandu (IM) dan pengendali *e-Hailing* dengan kerjasama persatuan-persatuan pengusaha bas serta agensi-agensi lain yang terlibat.

**Syarat - syarat** kelayakan calon bagi mendapatkan **Lesen Vokasional Kenderaan Perkhidmatan Awam (*Public Service Vehicle – PSV*)** di bawah **Program MyPSV** merangkumi aspek berikut :

<b>BIL</b>	<b>SYARAT-SYARAT</b>
1.	Warganegara Malaysia
2.	Berumur 21 tahun dan ke atas
3.	Lulus pemeriksaan kesihatan (JPJL8A)
4.	Bebas senarai hitam (JPJ/PDRM/Mahkamah)
5.	Pemohon Lesen Vokasional PSV (E-hailing/Teksi) mestilah memiliki Lesen Memandu Kompeten (CDL) Kelas D
6.	Pemohon bagi Lesen Vokasional PSV (Bas dengan BTM) melebihi 7,500 kilogram mestilah memiliki Lesen Memandu Kompeten (CDL) Kelas D (sekurang-kurangnya satu (1) tahun) atau CDL Kelas E

Calon-calon di bawah **Program MyPSV Bas** perlu menduduki **Kursus Teori Vokasional, Latihan dan Ujian Praktikal** (merangkumi litar dan jalan raya) setara dengan ketetapan sedia ada. Manakala calon-calon di bawah **Program MyPSV *E-Hailing*** hanya perlu menduduki **Kursus Teori *E-Hailing*** sahaja.

Kerajaan berharap inisiatif ini dapat membantu golongan B40 yang mendepani cabaran ekonomi untuk mendapatkan Lesen Vokasional Kenderaan Perkhidmatan Awam (*Public Service Vehicle* – PSV) serta melahirkan pemandu kenderaan yang **kompeten, selamat dan profesional** bagi memenuhi keperluan pemandu dalam sektor pengangkutan awam.

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN  
MALAYSIA**

**3 JULAI 2023**

**[TAMAT]**